

**Peruntukan RM400 Juta Dapat Atasi Masalah Bekalan Air Felda - GWGF  
Bernama  
12 Oktober , 2011**

SHAH ALAM, 12 Okt (Bernama) -- Gabungan Wawasan Generasi Felda (GWGF) berharap peruntukan RM400 juta dalam Belanjawan 2012 bagi membaik pulih dan menaik taraf kemudahan bekalan air di tanah-tanah rancangan FELDA dapat menyelesaikan masalah bekalan air yang membelenggu peneroka.

Pengerusi GWGF Tan Sri Rozali Ismail berkata gabungan itu berterima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak dan kerajaan kerana memberikan peruntukan bagi menyelesaikan masalah itu yang berlanjutan lebih 40 tahun.

"GWGF sentiasa memantau keperluan dan kemudahan perkhidmatan air di tanah rancangan FELDA melalui Biro Aduan Peneroka Kebangsaan (BAPAK)," katanya dalam kenyataan di sini, Rabu.

GWGF, katanya, juga berharap projek membaik pulih infrastruktur bekalan air dapat diberikan kepada kontraktor dari kalangan generasi FELDA yang layak dan berkemahiran.

"Ini adalah kerana selain daripada dapat memperbaiki kemudahan di tanah rancangan FELDA, kontraktor Generasi FELDA ini juga akan dapat menyumbang serta sekali gus mendapat manfaat," katanya.

Rozali berkata GWGF dan 11 persatuan gabungannya, yang mempunyai hampir 80,000 anggota, berharap penambahbaikan sistem bekalan air di tanah rancangan FELDA dapat mengurangkan gangguan air terutamanya ketika waktu puncak seperti musim perayaan.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=619541>